



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 14 – 16 SEPTEMBER 2021

BIL. 39 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 16 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,800,278** atau 87.8 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **227,463 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **18,815 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,049,750 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **18,808 kes** daripada catatan harian dengan **89.4 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 7 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **40.9 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (17.7 peratus), Zon Utara (16.0 peratus), Zon Selatan (15.7 peratus) dan Zon Pantai Timur (9.7 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Sarawak** iaitu **3,660 kes** disusuli Selangor (2,718 kes), Johor (2,206 kes), Sabah (1,982 kes), Pulau Pinang (1,777 kes), Perak (1,446 kes) dan Kedah (1,233 kes). Sejumlah **22,355 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **346 kematian terbaru** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 15 september 2021 menunjukkan seramai **21,719,553** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,123,511** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,804,706. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,460,886), Sarawak (1,942,548), Sabah (1,866,042), Perak (1,524,958) dan Pulau Pinang (1,273,027). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 39.5 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - o USA: **Tuntutan faedah pengangguran turun lebih dari yang dijangkakan**. Laporan oleh Labor Department menunjukkan tuntutan

faedah pengangguran USA pada minggu yang berakhir pada 4 September susut kepada 310,000 permohonan, penurunan 35,000 dari 345,000 tuntutan pada minggu sebelumnya. Ahli ekonomi menjangkakan tuntutan faedah pengangguran adalah sebanyak 335,000. Dengan penurunan yang lebih besar daripada yang dijangkakan, tuntutan pengangguran sekali lagi jatuh ke tahap terendah sejak mencecah 256,000 pada minggu yang berakhir pada 14 Mac 2020. (RTT)

- **EU: ECB menyemak naik unjuran inflasi bagi tahun 2021 hingga 2023.** Unjuran inflasi utama Eurozone pada 2021 dinaikan kepada 2.2% daripada 1.9% yang diunjurkan pada bulan Jun. Prospek pertumbuhan inflasi harga pada tahun hadapan ditingkatkan kepada 1.7% daripada 1.5%, manakala unjuran untuk tahun 2023 dinaikkan kepada 1.5% dari 1.4%. Inflasi teras, yang tidak termasuk harga makanan dan tenaga, dinaikkan kepada 1.3% tahun ini, 1.4% pada tahun 2022 dan 1.5% pada tahun 2023. Peningkatan inflasi secara beransur-ansur ini dijangka disebabkan oleh proses pemulihan ekonomi untuk kembali beroperasi dengan kapasiti penuh dan kadar upah yang meningkat secara sederhana. Unjuran pertumbuhan KDNK untuk tahun ini turut dinaikkan kepada 5% daripada 4.6%, disokong oleh pertumbuhan suku kedua yang lebih tinggi. (RTT)
- **CHINA: Inflasi barang di kilang China mencecah paras tertinggi 13 tahun pada bulan Ogos,** didorong oleh kenaikan harga bahan mentah yang melambung tinggi. Indeks harga pengeluar (IHPr) meningkat 9.5% dari tahun sebelumnya pada bulan Ogos berbanding 9.0% kenaikan pada Julai 2021. Peningkatan adalah yang terpantas sejak Ogos 2008. (Reuters)
- **INDIA: Pengeluaran perindustrian berkembang lebih tinggi dari yang dijangkakan.** Pengeluaran industri meningkat 11.5% tahun ke tahun, melebihi jangkaan pada kadar 10.7%. Pada bulan yang sama tahun 2020, pengeluaran telah menyusut -10.5%. Output sektor Pembuatan meningkat 10.5%, output sektor Perlombongan meningkat 19.5% dan output elektrik meningkat 11.1%. Pada tempoh April hingga Julai, pengeluaran meningkat 34.1% daripada tempoh yang sama tahun sebelumnya. (RTT)
- **TAIWAN: Kerajaan Taiwan mencadang untuk memberikan pakej rangsangan sebanyak USD7.2 bilion** bagi meningkatkan perbelanjaan pengguna dan memangkin ekonominya yang dilanda penularan varian Delta virus COVID-19. (Reuters)

- **PHILIPPINES: Defisit perdagangan Philippine melebar pada bulan Julai** dari tahun sebelumnya. Eksport meningkat 12.7% tahun ke tahun pada bulan Julai, selepas kenaikan 18.8% pada bulan Jun. Import meningkat 24.0% pada bulan Julai, setelah kenaikan 43.4% pada bulan sebelumnya. Defisit perdagangan meningkat kepada USD3.29 bilion pada bulan Julai daripada USD2.13 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya.
- **PHILIPPINES: Indeks Nilai Pengeluaran Philippine meningkat 528.1% tahun ke tahun pada Julai**, setelah mencatatkan kenaikan 444.6% pada Jun. Sementara itu, Indeks Volum Pengeluaran meningkat 537.9% pada bulan Julai setelah meningkat 459.0% pada bulan sebelumnya. Data juga menunjukkan bahawa Indeks Harga Pengeluar turun -1.5% tahun ke tahun pada Julai, setelah penurunan -2.6% pada Jun. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Kementerian Kewangan Malaysia** (MOF) telah mengarahkan **institusi perbankan** untuk mengusahakan pemberian **pengecualian bayaran faedah bagi penerima moratorium** pinjaman bank dengan segera.
2. **Mesyuarat JK Khas Pengurusan Pandemik** memutuskan beberapa **kelonggaran** baharu bagi sektor pekerjaan dan ekonomi berkuat kuasa Jumaat ini turut diberikan bagi **negeri** masih dalam **Fasa Satu PPN**. Ia membabitkan **pembekalan mineral** dan **bahan batuan** termasuk pasir serta pergerakan dari tenemen mineral kuari atau tapak pengorekan ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur awam yang utama dan **kerja pembinaan bangunan** serta premis industri/perkhidmatan perlu yang dibenarkan.
3. **India membeli 64,087 tan olein sawit RBD** (minyak sawit bertapis, diluntur dan dinyahbau) **dari Malaysia** pada **Ogos** berikutan import minyak sawit bertapis negara itu pulih disebabkan kelonggaran dalam peraturan perdagangan pada Jun. **India mengimport** 277,907 tan metrik minyak sawit, termasuk **205,320 tan metrik minyak sawit mentah (MSM)** dan **8,500 tan metrik minyak isirung sawit mentah**, dari **Malaysia** pada **bulan lalu**.
4. **MSM Malaysia Holdings Bhd** mengunjurkan **permintaan gula meningkat** antara **lima hingga 10 peratus** terhadap permintaan gulanya bagi separuh kedua tahun ini. Ia susulan pertambahan permintaan dalam sektor runcit domestik serta industri ekoran pelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peningkatan kadar vaksinasi. Mengenai prestasi **eksport**, ketika ini jumlah pesanan eksport yang diterima kumpulan ialah sebanyak **306,000 tan metrik** dan pihaknya telah menghantar kira-kira 144,000 tan metrik.
5. **Lembaga Pembangunan Langkawi** menjangkakan sekitar **400,000 pelancong** mengunjungi Langkawi dalam tempoh kira-kira **tiga setengah bulan** bermula dari pembukaan semula pulau peranginan itu pada Khamis hingga Disember ini dengan hasil sekitar **RM165 juta**.
6. Kerajaan melaksanakan **inisiatif berbentuk rumah sewa kos rendah** kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dengan **kadar sewa minimum RM124**. Sebanyak **1,000 unit rumah ditawarkan** di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan dan Johor.

7. **Penerangan pertama AirAsia dari Kuala Lumpur ke Langkawi** di bawah inisiatif **gelembung perjalanan** merekodkan **muatan penerangan 100 peratus**, menandakan lantunan semula kukuh perjalanan udara domestik.
8. **Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF)** menggesa kerajaan agar **menbenarkan pejabat korporat beroperasi semula** susulan kelonggaran sekatan yang diberikan bagi sektor perkhidmatan bukan keperluan utama (*non-essential services*). Keberkesanan operasi kilang akan terganggu sekiranya pejabat korporat terus ditutup.
9. **Jangkaan pelaksanaan dasar** yang lebih **stabil** oleh kerajaan di samping situasi COVID-19 yang bertambah baik disokong **kadar vaksinasi tinggi**, meletakkan **Malaysia** dalam situasi yang **lebih baik** untuk **pulih** menuju ke depan. Menurut penganalisis **Franklin Templeton**, Malaysia merupakan antara **negara** yang mencatatkan **kadar vaksinasi tinggi di rantau ini**, sekali gus **mendorong** kepada **pembukaan aktiviti ekonomi** secara beransur-ansur, yang mana akan menyokong pertumbuhan.
10. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan Program **VACC2Campus** untuk meningkatkan **vaksinasi lengkap** dalam kalangan **warga institusi pengajian tinggi (IPT)** sebelum kampus dibuka.
11. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang **membangunkan portal** pendaftaran institusi iaitu **Portal Vaksin-Anak-Ku** sebagai langkah awal dalam **pemberian vaksin COVID-19 kepada golongan remaja**.
12. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melancarkan dua pakej kemudahan akses Internet iaitu **Pakej Remaja Keluarga Malaysia** dan **Pakej Peranti Keluarga Malaysia** bagi **membantu golongan remaja dan pelajar memperoleh akses internet serta memiliki peranti pintar mampu milik**.
13. **Agrobank** telah **membantu usahawan komuniti agro** menerusi **Dana Pembiayaan Mikro Kredit berjumlah RM350 juta** di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Sehingga 31 Julai 2021, Agrobank telah meluluskan bantuan kewangan berjumlah RM200.4 juta di bawah pembiayaan AgroMakanan PENJANA yang melibatkan 16 ribu usahawan.

14. Kerajaan telah meluluskan permohonan subsidi upah berjumlah lebih RM15.7 bilion di bawah pelbagai Program Subsidi Upah (PSU). PSU 1.0 berjumlah RM12.936 bilion telah memanfaatkan 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja. Sementara itu, PSU 2.0 berjumlah RM1.373 bilion pula telah disalurkan kepada 79,703 majikan yang memanfaatkan 701,161 pekerja.
15. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memperkenalkan Skim Insentif Mekanisasi Sawit (OPIMIS) dengan menggalakkan penggunaan mekanisasi dalam sektor perladangan sawit bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja pada masa ini. Penggunaan mekanisasi tersebut dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Skim ini telah memberi manfaat kepada hampir 650 penerima dengan jumlah pembelian mesin hampir 1,400 unit merangkumi pelbagai jenis jentera dan alatan ladang.
16. Kerajaan Pulau Pinang bercadang untuk menjalankan pengujian untuk membuka kembali beberapa kawasan tarikan pelancong sebelum membenarkan pembukaan menyeluruh aktiviti pelancongan. Pengujian ini akan dijalankan dengan kerjasama Association of Tourist Attractions Penang (ATAP) bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan kawalan dari aspek kesihatan di tempat pelancongan berkenaan.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times 15 September 2021 (Essential)	<p>Langkawi opening is still positive for airlines: Analyst</p> <p>The opening of the Langkawi travel bubble would be positive for airlines, but the degree of the positive impact could be murkier at the start.</p> <p>Air travel is expected to be the key means of getting to Langkawi, following the government's initiative to spur the domestic travel bubble beginning September 16.</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/09/727388/langkawi-opening-still-positive-airlines-analyst
2.	Awani 15 September 2021 (Non-essential)	<p>KPKT sedia rumah sewa RM124 untuk golongan terkesan pandemik COVID-19</p> <p>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperkenalkan program Inisiatif Kediaman Rumah Keluarga Malaysia atau Rumah IKRAM KPKT untuk golongan terkesan akibat pelaksanaan PKP, dengan menawarkan kadar sewa minimum RM124 sebulan bagi tempoh mendiami maksimum dua tahun.</p> <p>Sebanyak 1,000 unit Rumah IKRAM KPKT ditawarkan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan dan Johor.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpkt-sedia-rumah-sewa-rm124-untuk-golongan-terkesan-pandemik-covid19-319908

3.	Berita Harian 16 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	MOTAC sasar 200,000 pelancong kunjungi Langkawi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menyasarkan kira-kira 200,000 pelancong domestik dijangka akan mengunjungi Langkawi sehingga hujung tahun 2021 berikutan pembukaannya di bawah projek gelembung pelancongan.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864800/motac-sasar-200000-pelancong-kunjungi-langkawi
4.	Berita Harian 16 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	MUIP sedia RM1.4 juta bantu institusi pengajian agama Peruntukan sebanyak RM1.4 juta disediakan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi membantu 164 maahad tahfiz, madrasah dan pondok di Pahang yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Antara bantuan yang disalurkan adalah membabitkan dana RM360,000 kepada 1,200 guru dan kakitangan dengan masing-masing menerima RM300.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864656/muiip-sedia-rm14-juta-bantu-institusi-pengajian-agama
Penemuan penting & isu: 1. Pengangkutan udara dijangka akan menjadi pilihan utama untuk pergerakan ke Langkawi dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan gelembung pelancongan domestik. 2. Kerajaan melaksanakan inisiatif berbentuk rumah sewa kos rendah kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dengan kadar sewa minimum RM124. 3. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menyasarkan kira-kira 200,000 pelancong domestik mengunjungi Langkawi sehingga hujung tahun 2021 berikutan pembukaannya di bawah projek gelembung pelancongan.			

4. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) menyediakan peruntukan sebanyak RM1.4 juta bagi membantu 164 maahad tafhib, madrasah dan pondok di Pahang yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Maklumbalas Bahagian:

1. Aktiviti pengangkutan udara adalah antara penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan pengangkutan & penyimpanan. Pada tahun 2020, aktiviti pengangkutan udara mencatatkan pertumbuhan negatif 67.6 peratus akibat daripada pelaksanaan PKP yang menyebabkan kesemua sempadan masuk utama negara ditutup sepenuhnya.
2. Usaha kerajaan untuk menyediakan rumah sewa kos rendah bagi penduduk yang terjejas diharapkan dapat meringankan beban golongan tersebut. Bantuan yang ini disasarkan kepada komuniti B40 ini dijangka akan meningkatkan perbelanjaan dan aliran tunai kumpulan ini.
3. Industri pelancongan adalah antara penyumbang ekonomi negara dan membuka banyak peluang ekonomi kepada rakyat tempatan yang terbabit dalam rantaiannya. KDNK Malaysia meningkat 16.1 peratus pada suku tahun kedua 2021 setelah menguncup empat suku tahun berturut-turut. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, bertumbuh 13.4 peratus pada suku tahun kedua 2021 dipacu oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit melonjak 21.0 peratus (ST1 2021: 1.2%) diikuti oleh pertumbuhan yang lebih tinggi bagi subsektor Kewangan & insurans (23.3%) dan Pengangkutan & penyimpanan (37.2%). Subsektor Maklumat dan komunikasi bertumbuh 5.9 peratus manakala subsektor Makanan & minuman dan penginapan berkembang 9.1 peratus.
4. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah memberi kesan kepada sektor ekonomi dan juga menjaskan pendapatan boleh guna isi rumah. Bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri ini merupakan antara langkah progresif dalam membantu golongan yang terjejas.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Kewangan			
1.	The Edge 15 September 2021 (Essential)	Hong Leong Asset Management declares RM292 million income distribution for Jan 1-July 31 this year Hong Leong Asset Management Bhd (HLAM) has declared RM292	https://www.theedgemarkets.com/article/hong-leong-asset-management-declares-rm292m-income-distribution-jan-1july-31-year

		<p>million in income distributions for its funds over the period of Jan 1 to July 31, 2021. HLAM is an asset management company within the Hong Leong Financial Group of companies, which establishes and distributes unit trust funds, wholesale funds and customised portfolio solutions to the retail and institutional segments.</p>	
2.	The Edge 15 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MoF instructs banks to work on interest payment exemption for recipients of loan moratorium</p> <p>The Ministry of Finance (MoF) has instructed banking institutions to work on the exemption from interest payments for recipients of the bank loan moratorium immediately. Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz said in a statement today that this will involve recipients of the moratorium from the bottom 50% of all Malaysians, in terms of income classification, for a period of three months in the fourth quarter of 2021 (4Q21).</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mof-instructs-banks-work-interest-payment-exemption-recipients-loan-moratorium
	B. Subsektor Penginapan		
3.	News Straits Times 14 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>#JOM! STAY: Break loose to Langkawi</p> <p>With a slight respite from travel restrictions, now's the chance to take those vacation days, disconnect your devices, and get a change of scenery. Either it's a long weekend or just because, Marriott International has three properties - The St. Regis</p>	https://www.nst.com.my/lifestyle/jom/2021/09/727057/jom-stay-break-loose-langkawi

		Langkawi, The Westin Langkawi Resort and Spa and Aloft Langkawi - that are ideal for every kind of travellers looking for a serene retreat.	
4.	Kosmo 15 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Tempahan hotel 3, 4 bintang masih rendah</p> <p>Tempahan bagi hotel tiga dan empat bintang di pulau peranginan ini didapati masih rendah dan ia dipercayai berpunca daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuala Kedah.</p> <p>Pelaksanaan PKPD tersebut menyebabkan Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah yang menjadi salah satu pintu masuk utama ke Langkawi ditutup sejak 6 September lalu.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/09/15/tempahan-hotel-3-4-bintang-masih-rendah/
5.	Kosmo 15 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>50 peratus hotel Langkawi habis ditempah</p> <p>Purata tempahan bilik yang diterima hotel-hotel bertaraf empat dan lima bintang di Langkawi kini telah mencapai kadar 50 peratus, menjelang pembukaan gelembung pelancongan di pulau peranginan tersebut pada 16 September ini.</p> <p>Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Nasaruddin Abdul Muttalib berkata, data daripada Persatuan Hotel Malaysia bagaimanapun menyatakan kadar tempahan bilik</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/09/15/50-peratus-hotel-langkawi-habis-ditempah/

		bagi hotel berstatus tiga bintang dan ke bawah adalah lebih rendah, sekitar 20 hingga 30 peratus.	
6.	Kosmo 15 September 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Jangan ghairah sampai langgar SOP</p> <p>Pihak berkuasa disaran supaya membuat pemantauan dan pemeriksaan di hotel-hotel di seluruh negara supaya pengusahanya dan juga pelanggan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pencegahan COVID-19. Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Yap Lip Seng berkata, promosi istimewa yang ditawarkan kepada pelanggan ketika ini mendapat sambutan baik dan ia dijangka dapat menghidupkan kembali industri pelancongan negara.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/09/12/jangan-ghairah-sampai-langgar-sop/
7.	Sinar Harian 15 September 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Gelembung pelancongan Langkawi: Nancy ingatkan pelancong agar patuh SOP</p> <p>Berbaki kurang 24 jam menjelang pembukaan semula Pulau Langkawi di bawah inisiatif gelembung pelancongan domestik pada Khamis, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri berharap program itu dapat berjalan dengan lancar serta selamat. Beliau juga turut berharap inisiatif itu mampu memberi sinar buat penggiat industri pelancongan agar mereka kembali bernafas dan bangkit semula setelah sekian lama terjejas akibat</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/161650/BERITA/Nasional/Gelembung-pelancongan-Langkawi-Nancy-ingatkan-pelancong-agar-patuh-SOP

		pandemik COVID-19 selain meminta pelancong sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.	
8.	Sinar Harian 15 September 2021 (Essential)	<p>Tempahan hotel dijangka meningkat selepas PKPD Kuala Kedah berakhir</p> <p>Tempahan hotel dan penginapan di Langkawi khususnya yang bertaraf empat bintang dan ke bawah dijangka meningkat apabila Terminal Jeti Kuala Kedah beroperasi semula Isnin ini. Naib Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Kedah/Perlis, Razmi Rahmat berkata, ketika ini, tempahan hotel dan penginapan bagi kategori itu adalah sekitar 30 peratus susulan pembukaan semula industri pelancongan di pulau tersebut di bawah projek rintis gelembung pelancongan mulai Khamis.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/161658/EDISI/Tempahan-hotel-dijangka-meningkat-selepas-PKPD-Kuala-Kedah-berakhir
	C. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit		
9.	New Straits Times 14 September 2021 (Non-essential)	<p>Implement appropriate laws for tobacco harm reduction products, BAT Malaysia tells government</p> <p>Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara yang merangkumi pelbagai langkah membendung penularan COVID-19 juga menyebabkan penurunan prestasi semua sektor ekonomi, menyaksikan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi PKS tahun lalu menyusut 7.3 peratus.</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/09/272143/implement-appropriate-laws-tobacco-harm-reduction-products-bat-malaysia

10.	New Straits Times 14 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	Glove sector's short-term outlook not as rosy as before Buyers were holding back on purchases to avoid stocking up at high prices with glove makers expecting ASPs to gradually decline by 30 per cent quarter-on-quarter (QoQ). HLIB has cut its sector's earnings forecast for financial year 2021-2024 by 1-58 per cent as it factors in a lower ASP assumption.	https://www.nst.com.my/business/2021/09/727072/glove-sectors-short-term-outlook-not-rosy
11.	New Straits Times 15 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	Implement vape regulations in Budget 2022, MIVA urges govt To date, the vape industry has successfully created thousands of job opportunities and is able to generate billions of dollars for the local economy. MIVA estimates the local vape industry is worth RM2.27 billion with 3,300 registered businesses.	https://www.nst.com.my/business/2021/09/727539/implement-vape-regulations-budget-2022-miva-urges-govt
12.	Berita Harian 15 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	ATLAS Vending lancar Sapot SME sempena Hari Malaysia Pengendali mesin layan diri makanan dan minuman terbesar di Malaysia dan Singapura, ATLAS Vending Malaysia Sdn Bhd (ATLAS Vending) melancarkan kempen Sapot SME sempena Hari Malaysia. Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkesan akibat pandemik COVID-19 untuk mengembangkan perniagaan di samping menyokong produk tempatan.	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/atlas-vending-lancar-sapot-sme-sempena-hari-malaysia-319897

13.	KOSMO 16 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	Grab, KPDNHEP jayakan Promosi Minggu Peniaga Kecil Promosi Minggu Peniaga Kecil anjuran Grab Malaysia pada bulan September ini dijangka memanfaatkan kira-kira 39,000 peniaga kecil.	https://www.kosmo.com.my/2021/09/16/grab-kpdnhep-jayakan-promosi-minggu-peniaga-kecil/
-----	---	--	---

Penemuan penting & isu:

1. *Hong Leong Asset Management Bhd (HLAM) has declared RM292 million in income distributions for its funds over the period of Jan 1 to July 31, 2021.*
2. *The Ministry of Finance (MoF) has instructed banking institutions to work on the exemption from interest payments for recipients of the bank loan moratorium immediately.*
3. Dengan sedikit kelonggaran dari sekatan perjalanan, beberapa hotel terkemuka di Langkawi telah beroperasi untuk bakal pengunjung untuk bercuti pada hujung minggu antaranya The St. Regis Langkawi, The Westin Langkawi Resort and Spa dan Aloft Langkawi yang sesuai untuk setiap jenis pelancong yang mencari tempat percutian yang tenang.
4. Lembaga Pembangunan Langkawi menjangkakan sekitar 400,000 pelancong mengunjungi Langkawi dalam tempoh kira-kira tiga setengah bulan bermula dari pembukaan semula pulau peranginan itu pada Khamis hingga Disember ini dengan hasil sekitar RM165 juta.
5. Purata tempahan bilik yang diterima hotel-hotel bertaraf empat dan lima bintang di Langkawi kini telah mencapai kadar 50 peratus, menjelang pembukaan gelembung pelancongan di pulau peranginan tersebut pada 16 September ini. Walau bagaimanapun, data daripada Persatuan Hotel Malaysia menyatakan kadar tempahan bilik bagi hotel berstatus tiga bintang dan ke bawah adalah lebih rendah, sekitar 20 hingga 30 peratus.
6. Tempahan bagi hotel tiga dan empat bintang di pulau peranginan Langkawi didapati masih rendah dan ia dipercayai berpunca daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuala Kedah. Pelaksanaan PKPD tersebut menyebabkan Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah yang menjadi salah satu pintu masuk utama ke Langkawi ditutup sejak 6 September lalu.

7. Tempahan hotel dan penginapan di Langkawi khususnya yang bertaraf empat bintang dan ke bawah dijangka meningkat apabila Terminal Jeti Kuala Kedah beroperasi semula Isnin ini. Rekod semasa menunjukkan kadar tempahan hotel bertaraf lima bintang telah mencecah 80 peratus manakala bagi empat bintang dan ke bawah sekitar 30 peratus.
8. *British American Tobacco (BAT Malaysia) is open to discussions with the government to promote appropriate laws for tobacco harm reduction products such as nicotine vapour.*
9. *The short-term prospects of the glove makers are no longer rosy as lower average selling price (ASPs), higher compliance costs and intensified competition will likely weigh down on their profitability.*
10. *The vape industry has successfully created thousands of job opportunities and is able to generate billions of dollars for the local economy.*
11. Pengendali mesin layan diri makanan dan minuman terbesar di Malaysia dan Singapura, ATLAS Vending Malaysia Sdn Bhd (ATLAS Vending) melancarkan kempen Sapot SME sempena Hari Malaysia.
12. Promosi Minggu Peniaga Kecil anjuran Grab Malaysia pada bulan September ini dijangka memanfaatkan kira-kira 39,000 peniaga kecil.

Maklumbalas Bahagian:

1. Gelembung pelancongan di Langkawi bermula 16 September ini dijangkakan akan memberi kesan peningkatan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST3 2021.
2. Pelbagai langkah dinamik yang diambil oleh kerajaan dan syarikat swasta seperti meningkatkan pendigitalan PKS, pakej pemulihan ekonomi dapat memberikan kesan positif kepada industri terlibat.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 15 September 2021 <i>(Essential)</i>	MSM unjur permintaan gula naik hingga 10 peratus MSM Malaysia Holdings Bhd mengunjurkan permintaan gula meningkat antara lima hingga 10 peratus terhadap permintaan	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/864426/msm-unjur-permintaan-gula-naik-hingga-10-peratus

		<p>gulanya bagi separuh kedua tahun ini.</p> <p>Ia susulan pertambahan permintaan dalam sektor runcit domestik serta industri ekoran pelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peningkatan kadar vaksinasi. Mengenai prestasi eksport, ketika ini jumlah pesanan eksport yang diterima kumpulan ialah sebanyak 306,000 tan metrik dan pihaknya telah menghantar kira-kira 144,000 tan metrik.</p>	
2.	Berita Harian 16 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>India beli 64,087 tan minyak sawit bertapis Malaysia</p> <p>India membeli 64,087 tan olein sawit RBD (minyak sawit bertapis, diluntur dan dinyahbau) dari Malaysia pada Ogos berikutan import minyak sawit bertapis negara itu pulih disebabkan kelonggaran dalam peraturan perdagangan pada Jun.</p> <p>India mengimport 277,907 tan minyak sawit, termasuk 205,320 tan metrik minyak sawit mentah (MSM) dan 8,500 tan metrik minyak isirung sawit mentah, dari Malaysia pada bulan lalu.</p> <p>Pada Jun lalu, Kementerian Perdagangan India telah memansuhkan sekatan ke atas import minyak sawit bertapis selama enam bulan dalam persekitaran harga minyak masak domestik yang tinggi.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/864687-india-beli-64087-tan-minyak-sawit-bertapis-malaysia

Penemuan penting & isu:

1. SM Malaysia Holdings Bhd mengunjurkan permintaan gula meningkat antara lima hingga 10 peratus terhadap permintaan gulanya bagi separuh kedua tahun ini. Ia susulan pertambahan permintaan dalam sektor runcit domestik serta industri ekoran pelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peningkatan kadar vaksinasi. Mengenai prestasi eksport, ketika ini jumlah pesanan eksport yang diterima kumpulan ialah sebanyak 306,000 tan metrik dan pihaknya telah menghantar kira-kira 144,000 tan metrik.
2. India membeli 64,087 tan olein sawit RBD (minyak sawit bertapis, diluntur dan dinyahbau) dari Malaysia pada Ogos berikutan import minyak sawit bertapis negara itu pulih disebabkan kelonggaran dalam peraturan perdagangan pada Jun. India mengimport 277,907 tan metrik minyak sawit, termasuk 205,320 tan metrik minyak sawit mentah (MSM) dan 8,500 tan metrik minyak isirung sawit mentah, dari Malaysia pada bulan lalu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport bagi kod SITC empat digit 0612; *sugars; beet or cane, chemically pure sucrose, in solid form* bagi Julai 2021 adalah RM54.3 juta dan meningkat sebanyak RM26.7 juta atau 96.6 peratus bulan ke bulan. Vietnam merupakan destinasi utama eksport gula bagi Julai 2021 sebanyak RM40.4 juta atau 74.3 peratus, diikuti oleh Republik Korea (RM3.2 juta atau 5.8 peratus) dan Singapura (RM2.8 juta atau 5.2 peratus).
2. Nilai eksport minyak kelapa sawit bagi Julai 2021 adalah RM5.7 bilion dan menyusut RM0.5 bilion atau 7.3 peratus bulan ke bulan. Volum eksport bagi Julai 2021 adalah 1.4 juta tan metrik dan menyusut 13.7 ribu tan metrik atau 1.2 peratus bulan ke bulan. Eksport minyak kelapa sawit ke India bagi Julai 2021 adalah RM883.4 juta dan menyusut RM571.6 juta atau 39.3 peratus bulan ke bulan.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	BH Online 15 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	Kelonggaran baharu sektor pekerjaan, ekonomi, sukan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik memutuskan beberapa lagi kelonggaran bagi sektor pekerjaan dan ekonomi berkuat	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/864570/kelonggaran-baharu-sektor-pekerjaan-ekonomi-sukan

		kuasa mulai Jumaat ini bagi negeri yang berada dalam Fasa Satu dan Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN).	
2.	The Star 14 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Scientex makes offer to take Daibochi private</p> <p>Scientex CEO Lim Peng Jin said the challenges presented by the COVID-19 pandemic highlighted the growing needs of companies to be agile to react fast to external impacts. It is important for Daibochi, which serves the supply chains of essential food and beverage and fast-moving consumer goods segments.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/14/scientex-makes-offer-to-take-daibochi-private

Penemuan penting & isu:

1. Mesyuarat JK Khas Pengurusan Pandemik memutuskan beberapa kelonggaran baharu bagi sektor pekerjaan dan ekonomi berkuat kuasa Jumaat ini turut diberikan bagi negeri masih dalam Fasa Satu PPN. Ia membabitkan pembekalan mineral dan bahan batuan termasuk pasir serta pergerakan dari tenemen mineral kuari atau tapak pengorekan ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur awam yang utama dan kerja pembinaan bangunan serta premis industri/perkhidmatan perlu yang dibenarkan. Pengeksportan mineral dan bahan batuan termasuk pasir sungai ke luar negara serta perladangan berdasarkan kayu dan kenaf juga dibenarkan. Bagi negeri Fasa 2 PPN, semua pejabat swasta dibenarkan beroperasi membabitkan kapasiti 60 peratus pekerja, sekiranya 40 peratus daripada pekerja masing-masing sudah lengkap divaksin. Kapasiti 80 peratus pekerja dibenarkan sekiranya 60 peratus daripada pekerja lengkap divaksin, manakala kapasiti 100 peratus dibenarkan sekiranya 80 peratus pekerja lengkap divaksin.
2. *Scientex CEO Lim Peng Jin said in order to ensure uninterrupted supply to customers, it is crucial to future-proof Daibochi's capabilities through implementation of risk mitigation and business continuity plans that are integrated with Scientex's resources and internal processes. This will enhance Daibochi's competitive edge and resilience, as well as reinforce the confidence among its multinational companies and local prominent brands.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial mengikut SOP yang ditetapkan bermula pada Jumaat ini akan merancakkan semula aktiviti ekonomi dalam negara. Ianya akan membari kesan kepada pemulihan ekonomi negara dan peluang pekerjaan pada masa hadapan. Ekonomi Malaysia telah bertumbuh 7.1 peratus pada separuh pertama tahun 2021 berbanding negatif 8.4% pada tempoh yang sama tahun 2020.
2. Objektif utama penswastaan Daibochi akan memberi fleksibiliti dan autonomi yang lebih besar untuk merialisasikan kegiatan perniagaan pembungkusan secara lebih fleksibel serta dapat meningkatkan lagi kecekapan operasi yang lebih efisen. Dalam masa yang sama, nilai jualan bagi kumpulan produk plastik bagi tempoh Januari - Julai 2021 meningkat 23.1% kepada RM33.6 bilion berbanding RM27.2 bilion tahun sebelumnya. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) bagi kumpulan yang sama turut menunjukkan peningkatan bagi tempoh Januari - Julai 2021 sebanyak 15.3% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

E. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 14 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Pejabat korporat wajar dibenar operasi semula</p> <p>Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menggesa kerajaan agar membenarkan pejabat korporat beroperasi semula susulan kelonggaran sekatan yang diberikan bagi sektor perkhidmatan bukan keperluan utama (<i>non-essential services</i>). Keberkesanan operasi kilang akan terganggu sekiranya pejabat korporat terus ditutup.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/864023/pejabat-korporat-wajar-dibenar-operasi-semula-mef
2.	Berita Harian 15 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Vaksinasi, dasar stabil sokong pemulihan Malaysia</p> <p>Jangkaan pelaksanaan dasar yang lebih stabil oleh kerajaan di samping situasi COVID-19 yang bertambah baik disokong kadar</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/864494/vaksinasi-dasar-stabil-sokong-pemulihan-malaysia-franklin-templeton

		<p>vaksinasi tinggi, meletakkan Malaysia dalam situasi yang lebih baik untuk pulih menuju ke depan, demikian pandangan penganalisis Franklin Templeton.</p> <p>Malaysia adalah antara negara yang mencatatkan kadar vaksinasi tinggi di rantau ini, sekali gus mendorong kepada pembukaan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur, yang mana akan menyokong pertumbuhan.</p>	
3.	Berita Harian 16 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pesawat pertama AirAsia ke Langkawi penuh</p> <p>Penerbangan sulung AirAsia dari Kuala Lumpur ke Langkawi pagi ini di bawah inisiatif gelembung perjalanan merekodkan muatan penerbangan 100 peratus, menandakan lantunan semula kukuh perjalanan udara domestik.</p> <p>Selain dari Kuala Lumpur (63 penerbangan mingguan), AirAsia juga mempunyai penerbangan ke Langkawi dari Pulau Pinang (14 kali seminggu), Johor Bahru (tujuh kali seminggu), Ipoh (tiga kali seminggu) dan Kota Bharu (tiga kali seminggu), menjadikan kesemua sekali 90 penerbangan seminggu.</p> <p>Menurut Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Malaysia, lebih 200,000 tempat duduk ke Langkawi terjual dalam masa kurang daripada seminggu.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/864845/pesawat-pertama-airasia-ke-langkawi-penuh

Penemuan penting & isu:

1. Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menggesa kerajaan agar membenarkan pejabat korporat beroperasi semula susulan kelonggaran sekatan yang diberikan bagi sektor perkhidmatan bukan keperluan utama (*non-essential services*). Keberkesanan operasi kilang akan terganggu sekiranya pejabat korporat terus ditutup.
2. Jangkaan pelaksanaan dasar yang lebih stabil oleh kerajaan di samping situasi COVID-19 yang bertambah baik disokong kadar vaksinasi tinggi, meletakkan Malaysia dalam situasi yang lebih baik untuk pulih menuju ke depan. Menurut penganalisis Franklin Templeton, Malaysia merupakan antara negara yang mencatatkan kadar vaksinasi tinggi di rantau ini, sekali gus mendorong kepada pembukaan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur, yang mana akan menyokong pertumbuhan. Situasi pandemik COVID-19 di rantau ini bertambah baik dengan kadar vaksinasi yang sangat tinggi terutama di Singapura dan Malaysia.
3. Penerbangan pertama AirAsia dari Kuala Lumpur ke Langkawi di bawah inisiatif gelembung perjalanan merekodkan muatan penerbangan 100 peratus, menandakan lantunan semula kukuh perjalanan udara domestik. Selain dari Kuala Lumpur (63 penerbangan mingguan), AirAsia juga mempunyai penerbangan ke Langkawi dari Pulau Pinang (14 kali seminggu), Johor Bahru (tujuh kali seminggu), Ipoh (tiga kali seminggu) dan Kota Bharu (tiga kali seminggu), menjadikan kesemua sekali 90 penerbangan seminggu. Manakala lebih 200,000 tempat duduk ke Langkawi terjual dalam masa kurang daripada seminggu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Program vaksinasi negara yang memberangsangkan dengan kadar vaksinasi tinggi akan membantu negara mencapai imuniti kelompok dengan lebih cepat bagi membendung COVID-19. Selain itu, akan mempercepatkan pembukaan semula aktiviti ekonomi domestik sepenuhnya. Pengoperasian perniagaan ini juga akan memberi kesan limpahan terhadap pembangunan sosio ekonomi serta pemulihan ekonomi negara.
2. Pembukaan projek rintis gelembung pelancongan domestik di Pulau Langkawi dijangka akan meningkatkan prestasi sektor pelancongan dan industri rantaian terutamanya sektor pengangkutan. Seterusnya, inisiatif ini akan merancakkan industri berkaitan pelancongan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada suku kedua tahun 2021, sektor pengangkutan dan penyimpanan mencatatkan pertumbuhan 37.2 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

F. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 15 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	COVID-19: 422 kematian direkodkan, lima kematian sebenar Sejumlah 422 kematian akibat COVID-19 yang direkodkan setakat 11.59 malam, 15 September.	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-422-kematian-direkodkan-lima-kematian-sebenar-320013
2.	Berita Harian 16 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	58.8 peratus populasi dewasa Pahang lengkap imunisasi Seramai 691,258 penduduk atau 58.8 peratus populasi dewasa di Pahang sudah lengkap divaksin COVID-19, setakat semalam.	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/09/86482/4/588-peratus-populasi-dewasa-pahang-lengkap-imunisasi

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan data yang dikongsikan melalui laman sesawang COVIDNOW, daripada jumlah itu lima adalah kematian sebenar. Sementara 107 kes lagi adalah kematian sebenar yang direkodkan dalam purata tujuh hari. Jumlah kematian yang dilaporkan itu termasuk tunggakan kes (*backlog*) yang belum dilaporkan sebelum ini. Manakala 92 kematian lagi dilaporkan melibatkan '*brought-in-dead*' (BID). Dengan pertambahan itu, jumlah kes yang masih lagi aktif adalah 225,590. Daripada jumlah itu, seramai 12,254 pesakit COVID-19 ditempatkan di hospital. Jumlah itu bersamaan 72.9 peratusan penggunaan keseluruhan katil di hospital. Dalam pada itu, laman sesawang COVIDNOW turut berkongsi angka jumlah mereka yang menjalani kuarantin di rumah adalah 186,590 atau 82.8 peratus.
2. Seramai 960,126 penduduk atau 81.7 peratus populasi dewasa sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin. Selain itu, seramai 26,048 orang pula yang sudah berdaftar sedang menunggu untuk menerima dos pertama. Namun masih ada 189,626 orang dewasa atau 16.1 peratus yang masih belum berdaftar. Berdasarkan bekalan vaksin yang diterima, disasarkan sebanyak 100 peratus populasi dewasa berjaya disuntik sekurang-kurangnya satu dos pada akhir bulan ini. Bermula semalam, program vaksinasi remaja dengan komorbid sudah dilakukan di lima hospital di Pahang. Lima hospital berkenaan ialah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAH), Temerloh, Hospital Lipis, Hospital Pekan dan Hospital Bentong. Bermula 20

September ini, program vaksinasi akan diperluaskan kepada semua pelajar berumur 16 dan 17 tahun. Penyelarasan sedang dibuat bersama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:

- Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk bukan warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

G.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 14 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	VACC2Campus pastikan warga IPT terima dos lengkap Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan Program VACC2Campus bertujuan untuk meningkatkan vaksinasi lengkap	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/863863/vacc2campus-pastikan-warga-ipt-terima-dos-lengkap

		<p>dalam kalangan warga institusi pengajian tinggi (IPT) sebelum kampus dibuka.</p> <p>Program itu dijalankan dengan kerjasama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF). KPT mengunjurkan 100 peratus kakitangan dan pelajar IPT yang boleh mendapat vaksin dan berdaftar dengan MySejahtera, akan menerima vaksin lengkap menjelang hujung Oktober ini.</p>	
2.	Harian Metro 15 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Portal Vaksin-Anak-Ku untuk daftar vaksin COVID-19 remaja</p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah membangunkan portal pendaftaran institusi iaitu Portal Vaksin-Anak-Ku sebagai langkah awal pemberian vaksin COVID-19 kepada remaja.</p> <p>Pada masa sama, satu pasukan Pasukan Bertindak Imunisasi COVID-19 Remaja (CITF-A) ditubuhkan di KKM bagi membuat penetapan dasar dan penyelarasan pelaksanaan pelan vaksinasi remaja. CITF-A berperanan mengkoordinasi strategi dan tindakan pelaksanaan di peringkat Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan agensi swasta terbabit.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/755270/portal-vaksin-anak-ku-untuk-daftar-vaksin-covid-19-remaja
3.	Harian Metro 15 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Pakej internet untuk remaja, Keluarga Malaysia</p> <p>Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) hari ini melancarkan dua pakej</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/755121/pakej-internet-untuk-

	<p>kemudahan akses Internet iaitu Pakej Remaja Keluarga Malaysia dan Pakej Peranti Keluarga Malaysia.</p> <p>Pakej itu bagi membantu golongan remaja dan pelajar memperoleh akses internet serta memiliki peranti pintar mampu milik terutamanya golongan yang kurang berkemampuan dalam kalangan rakyat negara ini. Pakej diskaun itu akan bermula 15 Oktober depan, berlangsung selama enam bulan dan tempoh perlanjutan dibincang sebelum dua bulan tamat promosi.</p>	<u>remaja-keluarga-malaysia-metrotv</u>
--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan Program VACC2Campus untuk meningkatkan vaksinasi lengkap dalam kalangan warga institusi pengajian tinggi (IPT) sebelum kampus dibuka.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membangunkan portal pendaftaran institusi iaitu Portal Vaksin-Anak-Ku sebagai langkah awal pemberian vaksin COVID-19 kepada remaja.
3. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melancarkan dua pakej kemudahan akses Internet iaitu Pakej Remaja Keluarga Malaysia dan Pakej Peranti Keluarga Malaysia bagi membantu golongan remaja dan pelajar memperoleh akses internet serta memiliki peranti pintar mampu milik.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kakitangan dan penuntut IPT haruslah divaksin sebelum pembukaan semula IPT bagi memastikan kelas secara fizikal dilaksanakan dalam keadaan selamat kepada semua pihak. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan penuntut di universiti awam pada 2019 adalah seramai 567,625 orang.
2. Portal pendaftaran institusi iaitu Portal Vaksin-Anak-Ku adalah inisiatif kerajaan bagi memudahkan dan menggalakkan golongan remaja untuk mendapatkan vaksin COVID-19. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak

<p>2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah adalah sebanyak 9,247.5 ribu orang.</p> <p>3. Pakej Remaja Keluarga Malaysia dan Pakej Peranti Keluarga Malaysia adalah inisiatif bagi membantu remaja terutamanya dari golongan keluarga B40 untuk memperoleh akses internet serta memiliki peranti pintar mampu milik. Berdasarkan MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, had pendapatan bagi kumpulan B40 pada tahun 2019 yang merangkumi 2.91 juta isi rumah adalah RM4,849.</p>			
H. Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star 14 September 2021 <i>(Essential)</i>	Guidelines for urban farming, community garden projects Residents of Ipoh, Perak, who are interested in carrying out urban farming or community garden projects can submit their applications to the city council starting Oct 1. Ipoh City Council (MBI) hoped that the people, including those who had lost their jobs and source of income, would take this opportunity to improve their livelihood.	https://www.thestar.com.my/metro.metro-news/2021/09/14/guidelines-for-urban-farming-community-garden-projects
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Residents of Ipoh, Perak, who are interested in carrying out urban farming or community garden projects can submit their applications to the city council starting Oct 1. Ipoh City Council (MBI) hoped that the people, including those who had lost their jobs and source of income, would take this opportunity to improve their livelihood. MBI's Urban Farming and Community Garden Guidelines were in line with the Urban Community Farming Policy set by Housing and Local Government Ministry. The urban farming guidelines were for intensive agriculture and livestock farming in the city or its surroundings.</i> 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Berdasarkan Usaha kerajaan dalam meningkatkan tanaman jenis pertanian bandar (<i>urban farming</i>) adalah inisiatif yang baik dalam menampung keperluan pertanian negara, disamping dapat membantu meningkatkan pendapatan dan sara diri rakyat. Maklumat berkaitan teknologi sistem tanaman yang digunakan akan 			

<p>dimuatkan di dalam borang soal selidik pertanian Banci Ekonomi yang akan datang untuk mengenalpasti pertubuhan-pertubuhan terlibat yang menggunakan kaedah tanaman pertanian bandar. Tanaman pertanian bandar ini juga antara langkah yang boleh mengurangkan kebergantungan kepada makanan import.</p>			
I.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 15 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Agrobank committed to helping Malaysians improve their socio-economic status</p> <p>Agrobank has helped many agro-based entrepreneurs through the Micro Credit Financing Fund amounting to RM350 million, under the PENJANA plan.</p> <p>As of July 31, 2021, Agrobank has approved total financing of RM200.4 million under the PENJANA Agrofood Fund plan, which involved about 16,000 entrepreneurs from agro-based communities.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/agrobank-committed-helping-malaysians-improve-their-socioeconomic-status
2.	The Edge Market 15 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Govt has approved wage subsidies worth over RM15.7 bil - Tengku Zafrul</p> <p>The government has approved wage subsidy applications worth over RM15.7 billion under the various wage subsidy programmes.</p> <p>Under Wage Subsidy Programme 1.0 (PSU 1.0) up to Sept 3, 2021, a total of RM12.936 billion had been approved, benefitting 322,177 employers and 2.64 million workers.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/govt-has-approved-wage-subsidies-worth-over-rm157-bil-%E2%80%94-tengku-zafrul

		For PSU 2.0, up to Sept 3, 2021, a total of RM1.373 billion had been distributed to 79,703 employers for them to continue operating, sustaining 701,161 jobs.	
3.	Astro Awani 15 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Skim OPIMIS atasi masalah tenaga buruh dalam sektor perladangan</p> <p>Skim Insentif Mekanisasi Sawit (OPIMIS) yang diperkenalkan kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menggalakkan penggunaan mekanisasi dalam sektor perladangan sawit bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja pada masa ini. Penerima Skim OPIMIS yang menunjukkan peningkatan produktiviti kerja sehingga 40%. Penggunaan mekanisasi dalam perladangan sawit dapat mengurangkan sedikit sebanyak kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Peruntukan yang disediakan melalui Skim OPIMIS telah memberi manfaat kepada hampir 650 penerima dengan jumlah pembelian mesin hampir 1,400 unit merangkumi pelbagai jenis jentera dan alatan ladang.</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/skim-opimis-atasi-masalah-tenaga-buruh-dalam-sektor-perladangan-319789
4.	The Edge Market 14 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Penang to propose reopening of outdoor tourist attractions as test run</p> <p>The Penang government has proposed a test run to reopen spacious outdoor tourist attractions in the State before</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/penang-propose-reopening-outdoor-tourist-attractions-test-run

	<p>embracing the full resumption of travel activities.</p> <p>The test run would be conducted in collaboration with the Association of Tourist Attractions Penang (ATAP) at outdoor attractions with ample space.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Agrobank telah membantu usahawan komuniti agro menerusi Dana Pembiayaan Mikro Kredit berjumlah RM350 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Sehingga 31 Julai 2021, Agrobank telah meluluskan bantuan kewangan berjumlah RM200.4 juta di bawah pembiayaan AgroMakanan PENJANA yang melibatkan 16 ribu usahawan.
2. Kerajaan telah meluluskan permohonan subsidi upah berjumlah lebih RM15.7 bilion di bawah pelbagai Program Subsidi Upah (PSU). PSU 1.0 berjumlah RM12.936 bilion telah memanfaatkan 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja. Sementara itu, PSU 2.0 berjumlah RM1.373 bilion pula telah disalurkan kepada 79,703 majikan yang memanfaatkan 701,161 pekerja.
3. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memperkenalkan Skim Insentif Mekanisasi Sawit (OPIMIS) dengan menggalakkan penggunaan mekanisasi dalam sektor perladangan sawit bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja pada masa ini. Penggunaan mekanisasi tersebut dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Skim ini telah memberi manfaat kepada hampir 650 penerima dengan jumlah pembelian mesin hampir 1,400 unit merangkumi pelbagai jenis jentera dan alatan ladang.
4. Kerajaan Pulau Pinang bercadang untuk menjalankan pengujian untuk membuka kembali beberapa kawasan tarikan pelancong sebelum membenarkan pembukaan menyeluruh aktiviti pelancongan. Pengujian ini akan dijalankan dengan kerjasama *Association of Tourist Attractions Penang (ATAP)* bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan kawalan dari aspek kesihatan di tempat pelancongan berkenaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan petikan Tenaga Buruh, Malaysia (Julai 2021), penduduk bekerja terus menurun dengan pengurangan kecil sebanyak 2.7 ribu orang kepada 15.29 juta orang pada Julai 2021. Ini merupakan bulan kedua yang mencatatkan pengurangan setelah trend positif direkodkan selama enam bulan. Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan

ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga kekal pada 65.0 peratus pada Julai 2021.

2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
 - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)